



Factsheet CAT15

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 15: khemah semalam

Malay | Bahasa Melayu



Khemah semalam tidak kira jenis penginapan atau berapa ramai kanak-kanak yang ikut serta. Kategori ini termasuk berbagai-bagai jenis perkhemahan semalam dengan penginapan sementara, seperti khemah, tapak perkhemahan, asrama, atau hotel dan motel.

Orang dewasa yang ikut serta perkhemahan bersama **anak (child)** mereka, seperti perkhemahan sekolah untuk ayah/anak, dan tidak memegang apa-apa jawatan dalam perkhemahan, tidak dikira melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#).

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang kanak-kanak. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pekerja sendiri, pekerja bergaji, atau **sukarelawan (volunteers)**, termasuk sukarelawan **ibu bapa (parent)** yang bekerja (misalnya menyelia kanak-kanak dan aktiviti) di perkhemahan semalam yang dianjurkan oleh sekolah, organisasi keagamaan, atau kelab
- mereka yang bekerja di perkhemahan tetapi tidak menginap, yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa mereka di perkhemahan
- penjaga dan pekerja dapur di tempat perkhemahan yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa mereka di perkhemahan
- orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak dalam perjalanan ke negeri lain, yang diikuti oleh pekerja/sukarelawan yang berangkat dari WA dan/atau balik ke WA bersama kanak-kanak itu.

Exemption (kelonggaran)

Harap ingat, tidak ada [exemption](#) ibu bapa sukarelawan untuk kategori ini. Ada beberapa exemption seperti berikut:

- sukarelawan muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours](#)
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au